



GARIS PANDUAN BAGI PERJALANAN KELUAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM MELALUI UDARA SEMASA FASA AWAL ENDEMIK

(Dikemaskini pada 10 Mei 2022)

1. Dokumen ini menghuraikan **syarat-syarat yang dikemaskini bagi perjalanan keluar negara melalui udara semasa fasa awal endemik.**
2. **Mana-mana individu yang hendak membuat perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam ke mana-mana destinasi adalah tidak lagi diperlukan untuk mendapatkan kebenaran keluar negara ("Exit Approval")** daripada Jabatan Perdana Menteri (JPM).
3. **Rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam*** adalah dibenarkan untuk membuat perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam jika telah mendapatkan:
 - (i). **2 dos vaksinasi COVID-19 yang mana dos ke-2 diberikan tidak lebih dari 3 bulan sebelum tarikh berlepas, ATAU**
 - (ii). **Dos pengalag bagi vaksin COVID-19.**

**Berkuatkuasa 15 Mei 2022, syarat vaksinasi ini dilaratkan kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam berumur 12 ke 17 tahun.*

Nota: Sila rujuk Apendiks I bagi maklumat lanjut dan syarat-syarat yang diperlukan untuk lengkap divaksinasi.

4. Walau bagaimanapun, **individu-individu yang belum lengkap divaksinasi** boleh membuat perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam jika mempunyai Sijil pengecualian* perubahan bagi COVID-19 vaksinasi.

**Pengecualian boleh didapatkan daripada pusat-pusat kesihatan tertakluk kepada apajua alasan kesihatan yang ada, serta sebab-sebab lain yang dapat diberikan pengecualian daripada mendapatkan vaksinasi seperti telah disahkan dijangkiti COVID-19 dalam tempoh enam (6) minggu yang lalu.*

5. Mana-mana warganegara asing yang menetap di negara ini samada di bawah jaminan pas kerja, pas lawatan (sosial, professional dan perniagaan), pas penuntut ataupun pas tanggungan, yang berhasrat untuk keluar negara secara sementara dan masuk semula ke Negara Brunei Darussalam, maka mereka adalah dikehendaki untuk mendapatkan **visa masuk semula (Re-Entry Visa)** sebelum tarikh perjalanan keluar negara. Syarat ini adalah khusus bagi warga asing yang mana kerakyatannya dipersyaratkan untuk mendapatkan visa masuk semula.

SYARAT-SYARAT PERJALANAN KELUAR NEGARA

1. Sebelum membuat perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam, **rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam** adalah dikehendaki untuk:
 - (a) Melengkapkan **pendaftaran melalui sistem e-Register di laman sesawang Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN): <http://www.mfa.gov.bn/Pages/eRegister.aspx>.**
 - (b) Mendapatkan **Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 (perlindungan minimum BND\$50,000)** sama ada daripada syarikat insuran yang berdaftar di Brunei Darussalam atau luar negara jika membuat perjalanan bagi tujuan lawatan pendek (*short visit*). Insuran tersebut hendaklah sah bagi tempoh kelamaan berada di luar negara.

Nota:

Individu-individu berikut adalah dikecualikan dari diperlukan untuk mendapatkan Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19:

- (i). Rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang akan membuat perjalanan ke luar negara atas tujuan bertugas, melanjutkan pengajian, sebagai tanggungan; atau mempunyai visa/pas imigresen jangka panjang di negara destinasi;
- (ii). Penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang akan membuat perjalanan ke negara kerakyatan; dan
- (iii). Warga perkhidmatan awam yang membuat perjalanan keluar negara atas tujuan rasmi yang dibiayai oleh pihak Kerajaan (Sila rujuk perenggan 2).

Walau bagaimanapun, rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang akan membuat perjalanan ke luar negara atas tujuan bertugas, melanjutkan pengajian atau sebagai tanggungan mesti mematuhi kesemua syarat-syarat selaras dengan syarat-syarat visa/pas imigresen.

2. **Warga perkhidmatan awam yang akan membuat perjalanan keluar negara atas tujuan rasmi yang dibiayai oleh pihak Kerajaan adalah dikecualikan dari diperlukan untuk mendapatkan Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 (perlindungan minimum BND\$50,000).** Individu hendaklah menunjukkan dokumen sokongan yang sah yang menyatakan mereka membuat perjalanan rasmi yang dibiayai oleh pihak kerajaan.
3. **Penuntut-penuntut (rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam) yang akan memulakan pengajian di luar negara atau kembali ke negara pengajian** perlu melengkapkan borang pendaftaran secara dalam talian melalui pautan berikut sebelum membuat perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam:
 - (a) Borang Pendaftaran Kembali ke Negara Pengajian: bit.ly/pendaftarankeluarnegeri
 - (b) Borang Pendaftaran sebagai Pelajar Persendirian: bit.ly/pendaftaranprivatetestudent
4. Ia adalah **tanggungjawab individu untuk memastikan kesemua syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh negara destinasi dipatuhi.**
5. **Jika negara destinasi menghendaki individu untuk menjalani ujian RT-PCR atau ART sebelum berlepas**, individu bolehlah menjalani ujian RT-PCR di pusat kesihatan atau klinik kesihatan swasta yang memberikan perkhidmatan berkenaan atau ujian ART di pusat-pusat ART yang diiktiraf seperti yang disenaraikan dalam **Apendiks II**.

6. Semasa membuat pendaftaran masuk (*check in*) di lapangan terbang atau tiba di lapangan terbang, individu adalah dikehendaki untuk mengemukakan **KESEMUA dokumen yang disenaraikan dalam Apendiks III (yang mana berkenaan) kepada pihak syarikat penerbangan / imigresen.**
7. Individu hendaklah mematuhi **kesemua syarat-syarat perjalanan masuk dan protokol kesihatan** semasa kembali ke Negara Brunei Darussalam.

APENDIKS I INDIVIDU-INDIVIDU YANG LENGKAP DIVAKSINASI

- Individu-individu yang telah mendapatkan vaksin COVID-19 yang dibenarkan di bawah 'WHO Emergency EU Listing'.
- Individu mempunyai sijil bukti vaksinasi yang dikeluarkan oleh autoriti kesihatan yang diiktiraf (sebolehnya sijil digital) atau Sijil Antarabangsa Vaksinasi WHO / *WHO International Certificate of Vaccination* (Buku kuning). Individu yang telah mendapatkan vaksinasi di Negara Brunei Darussalam dikehendaki menunjukkan pengesahan melalui aplikasi BruHealth.
- Individu telah melengkapkan regimen vaksinasi penuh sepertimana yang dikehendaki untuk membuat perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam (**Telah mendapatkan dos ke-dua vaksin COVID-19 tidak lebih dari 3 bulan sebelum tarikh berlepas atau sudah menerima dos penggalak**).
- Individu-individu dibawah umur 12 tahun yang membuat perjalanan bersama-sama sekumpulan orang dewasa yang telah mendapatkan vaksin yang lengkap akan mengikut protokol "Vaccinated Traveler Protocols".

*Individu-individu yang belum mendapatkan vaksinasi COVID-19 yang lengkap adalah individu-individu yang tidak memenuhi syarat-syarat yang disenaraikan dalam Apendiks I.

APENDIKS II SENARAI KLINIK KESIHATAN ATAU KLINIK KESIHATAN SWASTA YANG MEMBERIKAN PERKHIDMATAN UJIAN SWAB RT-PCR BAGI INDIVIDU YANG AKAN KELUAR DARI / MASUK NEGARA BRUNEI DARUSSALAM & PUSAT-PUSAT ART YANG DIIKTIRAF

<p>Klinik Noor Rohaya (Perjanjian Sahaja)</p> <ul style="list-style-type: none">• No 1, Simpang 293, Jalan Pasir Berakas• +673 2390282 / +673 8240282 <p>Jerudong Park Medical Center (Perjanjian Sahaja)</p> <ul style="list-style-type: none">• Jerudong Park Medical Center, BG3122• +673 2611433 <p>Panaga Health Center (Perjanjian Sahaja)</p> <ul style="list-style-type: none">• Jalan Utara, Panaga, Seria KB2933• +673 8876454 <p>Klinik Dr Amir (Perjanjian Sahaja)</p> <ul style="list-style-type: none">• No 204, Ground Floor, Bangunan Mohammad Yussof, KM2, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, BA1712, Bandar Seri Begawan• +673 2336801 / +673 2222500 / +673 3337850	<p>UNI Clinic (Perjanjian Sahaja)</p> <ul style="list-style-type: none">• No 5, Simpang 490, Jalan Muara, Kg Sg Hanching, BC2115• +673 2335403 / +673 7325403 <p>Lee Clinic and Dispensaries (Perjanjian Sahaja)</p> <ul style="list-style-type: none">• C-1, Abdul Razak Complex, Gadong Centrepoint• +673 2428428 / +673 8128128 <p>Yong Clinic & Dispensary (Perjanjian Sahaja)</p> <ul style="list-style-type: none">• No 27, Ground Floor Muhibbah Complex II, Jalan Gadong, BE3919• +673 2424301 <p>Kare Medical Clinic (Perjanjian Sahaja)</p> <ul style="list-style-type: none">• Ground Floor, Block D, Unit 1, Kiarong Complex, Lebuhraya Sultan Hassanul Bolkiah, Kiarong BE1318• +673 2455021 / +673 7305973 (WhatsApp) <p>C.Y.Lim Clinic (Perjanjian Sahaja)</p> <ul style="list-style-type: none">• Block J, No. 16 Ground Floor, Abdul Razak Complex Gadong, BE3519• +673 2449488 / +673 8913468
---	---

SENARAI PUSAT-PUSAT ART BOLEH DIDAPATI MELALUI PAUTAN DI BAWAH:

<https://www.moh.gov.bn/Shared%20Documents/2019%20ncov/Pusatpusat%20pesijilan%20ART%201%20December%202021.pdf>

APPENDIKS III
DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIPERLUKAN BAGI PERJALANAN KELUAR
DARI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BIL.	DOKUMEN	DIPERLUKAN BAGI:	PENGECUALIAN
1	Rekod vaksinasi yang menunjukkan individu telah mendapatkan Dos ke-2 vaksin COVID-19 yang diberikan tidak lebih dari 3 bulan sebelum berlepas ATAU Dos penggalak bagi vaksin COVID-19.	Individu yang lengkap divaksinasi	-
2	Sijil pengecualian perubatan bagi vaksinasi COVID-19	Individu yang belum lengkap divaksinasi	-
3	Pasport yang sah	KESEMUA Individu	-
4	Pendaftaran e-Register yang dilengkapi	Rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam	-
5	Sijil Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 (Perlindungan minimum BND\$50,000)	Rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang membuat perjalanan keluar negara atas tujuan lawatan pendek	Individu-individu yang dikecualikan daripada syarat ini seperti yang dinyatakan dalam perenggan 1(b) & 2.
6	Dokumen-dokumen lain Nota: Sila rujuk syarat-syarat yang ditetapkan oleh negara destinasi.	KESEMUA Individu	-

SENARAI SEMAK

Berkuatkuasa pada 1 April 2022, individu tidak lagi dikehendaki untuk mendapatkan kebenaran keluar negara (“Exit Approval”) sebelum membuat perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam.

PERJALANAN KELUAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

	Individu-individu yang berumur 12 tahun dan ke atas	Individu di bawah umur 12 tahun	Individu belum lengkap divaksinasi	Garis masa
Rekod Vaksinasi	<p>Diperlukan bagi Rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang berumur 12 tahun dan ke atas*.</p> <p><i>*Berkuatkuasa 15 Mei 2022, syarat vaksinasi ini dilaratkan kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam berumur 12-17 tahun</i></p>	Tidak diperlukan	Sijil pengecualian perubatan bagi COVID-19 vaksinasi adalah diperlukan	<p>Mendapatkan:</p> <p>Dos ke-2 vaksin COVID-19 yang diberikan tidak lebih dari 3 bulan sebelum berlepas</p> <p style="text-align: center;">ATAU</p> <p>Dos penggalak bagi vaksin COVID-19.</p>
Pendaftaran melalui sistem e-Register di laman sesawang KHELN	Hanya diperlukan bagi rakyat & penduduk tetap Negara Brunei Darussalam			Sebelum membuat perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam
Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 (Perlindungan minimum BND\$50,000)	Hanya diperlukan bagi rakyat & penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang akan membuat perjalanan keluar negara atas tujuan lawatan pendek.			Sebelum membuat perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam
Visa masuk semula (Re-entry Visa)	<p>Mana-mana warganegara asing* yang menetap di negara ini samada di bawah jaminan pas kerja, pas lawatan (sosial, professional dan perniagaan), pas penuntut ataupun pas tanggungan, yang berhasrat untuk keluar negara secara sementara dan masuk semula ke Negara Brunei Darussalam.</p> <p><i>*Syarat ini adalah khusus bagi warga asing yang mana kerakyatannya dipersyaratkan untuk mempunyai visa masuk semula.</i></p>			Sebelum membuat perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam